

PM rasmi pecah tanah tapak KUTKM 25 Jan.

Archival News | Utusan Malaysia | 08/01/2002

AYER KEROH 7 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan upacara pecah tanah tapak kampus Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal 25 Januari ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, upacara itu akan menjadi permulaan kepada kerja-kerja pembinaan fasa I kampus tetap KUTKM di atas tanah seluas kira-kira 300 hektar yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

``Apabila siap kelak ia dapat mengambil sehingga 15,000 pelajar,’’ katanya kepada para pemberita selepas melancarkan logo baru KUTKM di Seri Negeri di sini hari ini.

Menurutnya, KUTKM akan memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga profesional di negeri ini khususnya untuk mencapai matlamat Melaka maju pada tahun 2010.

Beliau memberitahu, sejajar dengan hasrat tersebut KUTKM akan menawarkan pelbagai kursus teknikal yang dapat menampung permintaan industri. KUTKM yang baru mengambil sebanyak 360 pelajar mulai Jun lalu, buat masa ini menyewa empat blok bangunan di Taman Tasik Utama di sini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, bayaran pampasan sebagai ganti rugi pengambilan tanah untuk pembinaan kampus KUTKM bernilai kira-kira RM45 juta juga telah diselesaikan.

Menurutnya, kerajaan negeri juga telah melantik kontraktor yang akan membangunkan kampus tersebut.

Perdana Menteri juga akan merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia peringkat kebangsaan di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) di Bukit Baru pada 25 Januari ini.

Sempena lawatan kerja sehari itu, Dr. Mahathir juga dijadual merasmikan kursus untuk Pengerusi dan Setiausaha Biro Latihan UMNO di Hotel Puteri.

(Source : Utusan Malaysia)